



SIARAN AKHBAR BERSAMA

S.A. 2022/09/25_68 (HQ)

TNB RESEARCH DAN SEDANIA MENJANA TENAGA DARIPADA AIR LEBIHAN EMPANGAN DI JOHOR

Anak syarikat milik penuh **Tenaga Nasional Berhad (“TNB”)** TNB Research Sdn Bhd (“TNBR”) dan cabang “Sustainable Energy” **SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA”)**, SEDANIA Technologies Sdn Bhd menjalin kerjasama menilai potensi menjana tenaga daripada air lebihan empangan dan takungan air di seluruh Malaysia.

Melalui perjanjian kerjasama tersebut, SEDANIA akan menggunakan turbin mikro kuasa hidro TNBR yang cekap tenaga untuk menjana elektrik daripada air yang dilepaskan di empangan. Setiap satu daripada 30 - 40 kilowatt turbin mikro kuasa hidro ini boleh menjana sehingga sekitar 305,000 kilowatt-jam tenaga hijau setahun. Dengan lebih 70 empangan dan takungan air di seluruh Malaysia, potensi daripada sumber tenaga mikro hidro tersebut dianggarkan melebihi 40 gigawatt-jam setahun, cukup untuk membekalkan tenaga elektrik bebas karbon kepada kira-kira 10 ribu rumah.

Projek sulung dua rakan kongsi ini dilaksanakan di empangan Kota Tinggi, Johor. SEDANIA telah dianugerahkan oleh syarikat minyak dan gas multinasional untuk menilai dan mencadangkan kebolehlaksanaan menggunakan turbin mikro kuasa hidro yang cekap tenaga untuk menjana tenaga elektrik daripada air lebihan empangan tersebut.

Tanggungjawab SEDANIA merangkumi aspek kewangan dan teknikal projek manakala TNBR menyumbangkan kepakaran teknikal melalui reka bentuk dan pemasangan turbin mikro kuasa hidro.

Mengulas mengenai potensinya, Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA Daniel Ruppert berkata, “Bersama-sama dengan TNBR, kami berhasrat untuk melengkapkan empangan di Malaysia dengan turbin mikro kuasa hidro yang cekap tenaga, bagi membolehkan semua pelanggan kami menggunakan air lebihan empangan sebagai sumber tenaga.”

“Malaysia harus menjadi medan teknologi hijau buatan Malaysia dengan rekod prestasi mencapai kelestarian tenaga. Sebagai organisasi yang komited kepada alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dengan visi untuk membantu syarikat mengurangkan jejak karbon mereka dengan terlebih dahulu membolehkan penggunaan tenaga yang cekap sebelum beralih ke fasa penting penjanaan tenaga bersih, SEDANIA berada pada kedudukan yang strategik untuk mempercepatkan agenda kelestarian dengan sokongan TNBR.”

Pengarah Urusan TNBR Dr. Mohd Hariffin Boosroh mengulas bahawa, “TNB memperjuangkan peralihan tenaga yang bertanggungjawab dan inklusif dengan aspirasi untuk mencapai pelepasan karbon bersih-sifar menjelang 2050. Dengan matlamat itu, TNB melabur dalam

teknologi hijau baharu seperti turbin kuasa mikro hidro cekap tenaga ini yang merupakan hasil penyelidikan kami di TNBR.

Beliau juga menambah bahawa, “TNB tidak boleh melaksanakan inisiatif ini sendiri dan berharap untuk bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi yang strategik. Usaha sama ini menggambarkan bagaimana kerjasama penyelidikan dan industri memainkan peranan yang berpengaruh dalam pembangunan penyelesaian yang inovatif dan lestari untuk Malaysia.”

Memandangkan teknologi itu dibangunkan di Malaysia, ia juga akan memberi manfaat kepada industri tempatan dalam pengilangan, pentauliahan, operasi dan penyelenggaraan turbin kuasa hidro mikro, dan seterusnya menggerakkan masyarakat tempatan keluar daripada perangkap pendapatan sederhana dengan beralih kepada nilai tinggi, tinggi-teknologi dan ekonomi berkemahiran tinggi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada [] September 2022 jam XX:XX pagi/petang

Sila hantar semua pertanyaan lanjut kepada:

TNB

*Hanim Idris at 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel media@tnb.com.my.*

SEDANIA

*Doreenn Leong at 03-7880 2001 / 012 2121620 /
Darryl at 017-2407881
atau emel media@sedaniainnovator.com*

About Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan kehadiran antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turki, Arab Saudi, Pakistan dan India. Dalam ruang tenaga boleh diperbaharui setakat Disember 2021, TNB mempunyai jumlah portfolio sebanyak 2,771.4MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 715.8MW di seluruh UK, Turki dan India yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro.

Mengenai TNB Research Sdn. Bhd.

TNB Research Sdn Bhd (TNBR), penyedia penyelesaian dalaman untuk TNB sejak 1993, mempunyai lebih dua puluh lima tahun pengalaman dalam R&D dan menservis skim kuasa hidro Malaysia. Melalui pengalaman luas dan kepakaran teknikalnya dalam operasi loji hidro, pengoptimuman dan reka bentuk sistem, TNBR berharap dapat menawarkan penyelesaian kuasa hidro yang inovatif dan mempercepatkan peralihan negara ke arah masa depan neutral karbon.

Log masuk ke <https://www.tnbr.com.my/> untuk mengetahui lebih lanjut tentang penyelesaian dan perkhidmatan inovatif TNBR.

Mengenai SEDANIA Innovator Berhad

Sedania Innovator Berhad adalah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan yang lestari. Sejak penyertaannya pada 2015 di ACE Market di Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

Sedania melabur dalam kelestarian tenaga masa hadapan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, Sedania menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 150 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 20 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.

Log masuk ke <https://www.sedaniainnovator.com> untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.



Anak syarikat milik penuh **Tenaga Nasional Berhad (“TNB”)** TNB Research Sdn Bhd (“TNBR”) dan cabang “Sustainable Energy” **SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA”)** SEDANIA Technologies Sdn Bhd bersedia untuk melaksanakan projek turbin kuasa mikro hidro mereka di empangan dan takungan air yang berpotensi di seluruh Malaysia.



Setiap satu daripada 30 - 40 kilowatt turbin kuasa mikro hidro terendam ini boleh menjana sehingga sekitar 305,000 kilowatt-jam dalam tenaga hijau setahun, menghalang kira-kira 230 tan pelepasan karbon daripada memasuki atmosfera.



Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA
Daniel Ruppert



Pengarah Urusan TNBR
Dr. Mohd Hariffin Boosroh